Faks : 237605
Tel : 088-252692
Bil : KEW.400-8/2001/2/74 Klt.2/(5)
Tarikh : 18 Oktober 2001

KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Semua Setiausaha Tetap Kementerian,
Semua Ketua Jabatan,

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI BIL.6/2001**
***(Pembelian kenderaan di bawah vot peruntukan projek yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri dan Bayaran Pemberian Persekutuan (Federal Reimbursable Grant)***

Dengan hormatnya, saya ingin menarik perhatian Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Adalah diperhatikan bahawa terdapat beberapa Kementerian/Jabatan telah menggunakan peruntukan di bawah vot projek untuk pembelian kenderaan(4WD) mewah yang tidak mengikut keperluan bagi tujuan pelaksanaan program/projek. Peruntukan tersebut sepatutnya digunakan untuk pembelian kenderaan jenis utiliti yang boleh membantu memberi kesan keatas pelaksanaan sesuatu program/projek pembangunan. Seterusnya, kenderaan berkenaan hendaklah diagihkan ke pejabat projek bukannya diletakkan di Ibu Pejabat

3. Oleh hal yang demikian, semua Ketua Kementerian/Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi penjelasan/justifikasi yang lengkap bagi setiap jenis kenderaan projek dan semua urusan ke atas pembelian jenis kenderaan melalui vot projek hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan, Bahagian Belanjawan terlebih dahulu, untuk kelulusan.

4. Disamping itu, sukacita sekiranya pihak Datuk/Tuan/Puan yang berkenaan dapat memberi maklumat yang diperlukan seperti di Lampiran A dan dikemukakan kepada Kementerian ini untuk rekod dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

*"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"*
*"JIMAT DAN PRODUKTIF"*

(DATUK HJ. S. ABDILLAH HASSAN, J.P.)
Setiausaha Tetap

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
88502 KOTA KINABALU

" Setiausaha Persekutuan Sabah
Pejabat Setiausaha Pesekutuan Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Beg Berkunci No. 2063
88592 KOTA KINBALU

" Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Tingkat 8, Blok B, Wisma MUIS
Beg Berkunci 2041
88999 KOTA KINABALU

" Bendahari Negeri
KOTA KINABALU

" Pengarah Audit
KOTA KINABALU

" kew.100-4/4 Klt.2

*Lampiran.....*

Lampiran A

## SENARAI PEMBELIAN KENDERAAN DI BAWAH VOT PERUNTUKAN PROJEK

| Tarikh & Tahun Pembelian | No.Pesanan Pembelian | No. Kenderaan | Pegawai yang Menggunakan Kenderaan dan Gred | Maksud Asal Penggunaan Kenderaan | Butiran Jenis Projek dan Lokasi |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

9